

Sedar atau tidak sedar, kita banyak melakukan aktiviti dan semua itu menggunakan organ-organ yang ada dalam tubuh kita. Semuanya tidak akan bergerak dan bekerja tanpa izin daripada-Nya. Sekarang, apakah yang kita akan lakukan selepas mengetahui perkara ini? Tetap diam, ataupun mula bergerak?

Bayangkan otot-otot kita tidak bergerak, bagaimanakah kita dapat beraktiviti dengan mudah? Bagaimanakah sekiranya sel otak manusia tidak bekerja, adakah kita dapat berfikir? Allah memudahkan segalanya. Allah penuhi semua keperluan kita bahkan tanpa kita minta. Seharusnya kita malu, bukan banyak mengeluh kepada-Nya. Seharusnya kita perlu banyak-banyak bersyukur, bukan hanya merungut.

وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا إِنَّ اللَّهَ لَعَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٨﴾

“Dan apabila kamu menghitung nikmat Allah, nescaya kamu tidak akan mampu menghitungnya satu persatu, sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(Surah *Al-Nahl*, ayat 18)

